

**13/06/2016 - Lawatan Turun Padang Puspanita Dan Majlis Perasmian Forum Kesihatan Siri 1:
"Love Your Kidney"**

Bismillahirrahmanirahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Ramadan.

Terima kasih saudara/saudari pengerusi majlis

Yang Berbahagia Puan Sri Datuk Rohani Abdullah, Yang DiPertua PUSPANITA

Ahli-Ahli Majlis Tertinggi dan Jawatankuasa Kerja Tertinggi PUSPANITA

Ahli-ahli PUSPANITA

Pegawai-pegawai kanan Kementerian Kesihatan Malaysia dan seterusnya para peserta Forum Kesihatan Siri 1: "Love Your Kidneys".

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama menzahirkan kesyukuran ke hadrat Allah subhanahuwatalla kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita bertemu bagi menjayakan Lawatan Turun Padang PUSPANITA dan Majlis Perasmian Forum Kesihatan Siri 1: "Love Your Kidneys".

2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada PUSPANITA kerana mengambil pendekatan Strategi Lautan Biru (NBOS) dengan mengadakan kerjasama strategik bersama Kementerian Kesihatan Malaysia bagi penganjuran program pada hari ini.

3. Pada kesempatan ini juga, saya merakamkan penghargaan terima kasih kepada semua tetamu dan peserta forum yang sudi meluangkan masa hadir ke majlis pada petang ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Program pada hari ini merupakan susulan daripada Lawatan PUSPANITA ke Institut Kanser Negara pada tahun lepas. Lawatan tersebut telah membawa kepada usahasama PUSPANITA dengan Institut Kanser Negara dalam melaksanakan Program "Outreach" Institut Kanser Negara

bagi membantu pesakit-pesakit kanser. Syabas dan tahniah diucapkan kepada PUSPANITA di atas usaha ini.

KESIHATAN BUAH PINGGANG

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Saban tahun, bilangan rakyat Malaysia yang menderita penyakit kegagalan fungsi buah pinggang semakin meningkat dan jumlah yang didaftarkan untuk memulakan rawatan dialisis turut mencatatkan peningkatan.

6. Seperti negara-negara maju yang lain, penyakit kencing manis dan tekanan darah tinggi merupakan antara punca utama menyebabkan penyakit kegagalan fungsi buah pinggang. Pada peringkat awal, kebanyakan pesakit tidak menunjukkan sebarang gejala atau simptom yang menyebabkan penyakit ini juga dikenali sebagai “silent disease”. Oleh itu, amat penting bagi pesakit berisiko tinggi untuk menjalani saringan supaya ianya tidak dikesan sebelum berada di peringkat yang lebih teruk sehingga memerlukan rawatan dialisis.

7. Sehubungan dengan itu, saya sentiasa menyokong sepenuhnya usaha-usaha PUSPANITA dalam menggerakkan program dan aktiviti berbentuk kesihatan seperti penganjuran forum pada hari ini kerana kebanyakan rakyat Malaysia memandang remeh tentang penjagaan kesihatan buah pinggang.

8. Kerajaan dengan kerjasama badan-badan bukan Kerajaan seperti Persatuan Nefrologi Malaysia, Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan dan lain-lain sentiasa memastikan sistem penyampaian perkhidmatan dialisis yang lebih menyeluruh kepada semua peringkat dan lapisan rakyat.

9. Namun begitu, penglibatan secara menyeluruh masyarakat adalah amat penting dalam mencegah penyakit buah pinggang. Pengambilan makanan seimbang serta mempertingkatkan aktiviti fizikal seperti senaman masih lagi merupakan langkah praktikal bagi menangani penyakit ini.

TASKA PERMATA PUSPANITA

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. Saya difahamkan juga pengisian program pada hari ini turut melibatkan Lawatan ke Taska PERMATA PUSPANITA KKM. Ianya merupakan peluang yang sewajarnya tidak dilepaskan oleh

Pengerusi-pengerusi PUSPANITA Cawangan yang hadir pada hari ini untuk berkongsi idea, pengalaman dan melihat sendiri fasiliti yang disediakan dalam taska tersebut.

11. Saya pasti dengan penubuhan Taska PERMATA PUSPANITA ini telah memberikan kemudahan dan manfaat kepada para ibu bapa yang bekerja di Kompleks E untuk menghantar anak-anak untuk dijaga sepanjang tempoh mereka bekerja.

SUMBANGAN KEBAJIKAN

12. Seperti kelazimannya, PUSPANITA turut berbesar hati untuk memberikan sumbangan kebajikan yang akan disampaikan sebentar lagi. Semoga dengan sumbangan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh penerima.

PENUTUP

Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan ingin saya ucapkan kepada semua yang terlibat di atas penganjuran program pada hari ini.

Dengan lafaz Bismillahir-Rahmanir-Rahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Forum Kesihatan Siri 1: "Love Your Kidneys".

Sekian, Wabillahittaufik walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

©2016 Copyright Reserved SMPKE, Prime Minister's Office

Source: <http://www.pmo.gov.my/ksn/home.php?frontpage/speech/detail/2065>